

# Arroyo hantar Ramos temui PM

MANILA, Khamis – Presiden Filipina, Gloria Arroyo akan menghantar bekas presiden Fidel Ramos ke Malaysia untuk berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kebajikan rakyatnya yang dihantar pulang dari Sabah.

Bernama melaporkan seorang pegawai kanan berkata, Arroyo mengambil langkah itu selepas melihat sendiri keadaan pendatang asing tanpa izin Filipina di Bongao, Tawi-Tawi.

**Pasukan khas nafi bayi  
Filipina mati – Muka 4**

Arroyo ke Bongao untuk menemui beribu-ribu pendatang tanpa izin Filipina termasuk wanita dan kanak-kanak yang dilaporkan media negara itu 'dilayan secara kasar' oleh polis Malaysia di Sabah.

Beliau turut mengagihkan bekalan ubat dan makanan kepada mereka serta mendengar rungutan mereka.

Pegawai berkata, Arroyo mahu Ramos membincangkan dengan Dr Mahathir cara untuk memastikan penghantaran pulang pendatang tanpa izin Filipina dari Sabah dilaksanakan dengan teratur dan penuh kemanusiaan.

Ramos memainkan fungsi sebagai negarawan sejak menamatkan pengajarnya sebagai presiden pada 1996 dan mengunjungi banyak negara untuk berbincang mengenai perjanjian dan misi muhibah.

Ketika menjadi presiden pada 1992 hingga 1996, Ramos beberapa kali berunding dengan Dr Mahathir yang membawa kepada peningkatan pelaburan Malaysia di Filipina.

Media Filipina semalam melaporkan, sekurang-kurangnya 13 anak pendatang tanpa izin negara itu, kebanyakannya bayi, meninggal dunia ketika pihak berkuasa Malaysia menghantar mereka pulang sejak Jun lalu.

Laporan itu, yang memetik Setiausaha Kebajikan Sosial Filipina, Corazon

**LIHAT MUKA 4**

## Rasa tidak puas hati mesti melalui saluran rasmi

### DARI MUKA 1

Soliman berkata, sebahagian kanak-kanak itu mati di Pusat Tahanan Sementara di Sabah, manakala sebahagian lagi mati dalam perjalanan pulang ke negara itu.

Bagaimanapun, pihak berkuasa Malaysia menafikan berlaku kematian di Pusat Tahanan Sementara.

Di **PUTRAJAYA**, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, membidas media Filipina yang membuat laporan itu berdasarkan dakwaan semata-mata tanpa sebarang bukti mengenai punca sebenar kematian berkenaan.

Katanya, jika ada negara yang berasa tidak puas hati berkaitan proses penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang dilakukan negara ini, ia hendaklah dibuat melalui saluran diplomatik rasmi.

"Jika mereka (Filipina) ada sebarang perkara yang ingin disampaikan kepada Malaysia, kita sedia menerimanya tetapi jangan buat tuduhan yang bukan-bukan.

"Sebelum ini, sebarang kegiatan jenayah yang dilakukan pendatang tanpa izin di

negara ini, tidak pernah mendapat liputan media berkenaan tetapi sekarang, banyak pula dakwaan timbul," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat anggota Majlis Perlembagaan Kemboja di Wisma Putra.

Syed Hamid berkata, Filipina dan Indonesia perlu menerima dan menyedari bahawa keputusan Malaysia untuk menghantar pulang pendatang tanpa izin dibuat dalam konteks perundangan negara ini, dan sebarang rasa tidak puas hati mengenai proses berkenaan hendaklah dibuat secara rasmi. Beliau juga menegaskan, setiap penghantaran pulang pendatang tanpa izin dibuat dengan pengetahuan dan kerjasama negara terbabit.

"Tidak ada negara yang menjadi sasaran dalam penghantaran itu. Semua pendatang tanpa izin, tidak kira dari negara mana, perlu dikenakan tindakan kerana ia telah menjadi satu beban sosial kepada kita," katanya.

Mengenai tindakan sekumpulan rakyat Filipina yang membakar Jalur Gemi-

lang dan gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Manila, beliau berkata tindakan itu tidak menggambarkan hubungan sebenar kedua-dua negara yang semanginya terjalin baik.

Beliau berkata, tindakan membakar perasaan rakyat oleh media dan kumpulan tertentu yang tidak menceritakan situasi sebenar, tidak akan membantu usaha mencapai keharmonian rantau ini.

"Tindakan itu tidak mencerminkan hubungan sebenar dua hala. Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip memperkayakan jiran terutama apabila ekonomi kita kukuh.

"Justeru, Malaysia sudah lama menunjukkan keikhlasan dan toleransi kita dalam membuka peluang kepada warga asing untuk mencari rezeki di sini," katanya.

Sekumpulan rakyat Filipina hari ini mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Malaysia di Manila dengan membakar Jalur Gemilang dan gambar Perdana Menteri kerana membantah penghantaran pulang pendatang tanpa izin negara itu.